

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
[BELURAN]**

TARIKH : 2 JULAI 2019

SOALAN : Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakah kesan keputusan Kerajaan Malaysia untuk menyokong syarikat pengeluar teknologi Huawei yang telah disenarai hitam di Amerika Syarikat memberikan kesan terhadap hubungan di antara Malaysia dengan Amerika Syarikat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beluran atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hubungan diplomatik dan perdagangan antara Malaysia dan Amerika Syarikat adalah tidak terjejas dan baik seperti sediakala. Hal ini dibuktikan menerusi jumlah perdagangan dua hala yang meningkat bagi suku tahun pertama (Januari-Mac) tahun 2019 dengan mencatatkan jumlah RM37.92 bilion berbanding tempoh yang sama pada 2018.

3. Perkembangan positif dalam sektor perdagangan ini adalah berikutan dasar keterbukaan dan profesionalisme Malaysia dalam

menjalinkan perdagangan dengan mana-mana syarikat dan negara termasuklah Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China. Bahkan, hubungan dua hala antara Malaysia dan Amerika Syarikat bukan sahaja terhad kepada hubungan perdagangan malah meliputi pelbagai sektor lain termasuklah pendidikan, keselamatan dan pertahanan, alam sekitar dan tenaga serta sains dan teknologi.

4. Malaysia mengambil maklum mengenai isu syarikat gergasi dari China iaitu Huawei yang telah disenarai hitam di Amerika Syarikat. Malaysia juga mengambil maklum bahawa Amerika Syarikat lazimnya akan mendapatkan sokongan negara-negara lain terhadap pendirian mereka berkaitan isu perdagangan khususnya jika melibatkan syarikat dari Republik Rakyat China.

5. Dalam hal ini, keputusan Malaysia untuk memanfaatkan teknologi dari Huawei adalah berasaskan kepada kepentingan kemajuan negara terutamanya dalam sektor teknologi telekomunikasi. Tindakan Malaysia ini diyakini tidak akan memberi kesan terhadap hubungan di antara Malaysia dengan Amerika Syarikat.

Sekian, terima kasih.